

14/09/1998

Hanya mahkamah buktikan kebenaran

"PERISYTIHARAN Permatang Pauh" kononnya akan menggerakkan reformasi tajaan bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang dilancarkan kelmarin, menyimpang daripada persoalan sebenar yang menjadi punca utama pemecatannya dari Kabinet dan Umno. Isu yang sepatutnya diberi perhatian ialah soal perilaku moral, bukan faktor sampingan lain yang dilihat lebih bermatlamat untuk memesongkan perhatian umum daripada isu sebenar. Dengan berarak ke merata tempat Anwar mungkin dapat meraih sedikit simpati tetapi yang nyata ia tidak dapat mengubah fakta tuduhan ke atasnya. Segala bukti berhubung dakwaan skandal seks Anwar sedang dikumpulkan dan ia akan didedahkan apabila proses keadilan bermula.

Disebabkan Anwar belum diperintahkan hadir di mahkamah untuk membela diri, beliau masih bebas mendakwa segala yang dilakukan ke atasnya adalah muslihat untuk menyingkirkan beliau. Sekiranya tuduhan yang sama ditujukan kepada orang kebanyakan, rasanya tuduhan liar terhadap sistem keadilan tidak wujud. Tetapi, disebabkan Anwar adalah seorang ahli politik berpengaruh dan berkedudukan tinggi dalam kerajaan, beliau dilihat cuba memanipulasi keadaan.

Anwar tidak harus lupa meskipun ada segelintir pihak yang terdorong untuk mengikuti gerakan reformasinya, namun daripada tindak tanduk dan kenyataannya kebelakangan ini sudah ramai juga rakyat yang mulai meragui keikhlasannya. Malah, sudah ramai rakyat yang mulai percaya terhadap tuduhan ke atasnya. Disebabkan semua ini adalah perdebatan di luar mahkamah, ia tidak memberi sebarang makna dari segi undang-undang. Hanya di mahkamah pihak terbabit perlu menegakkan kebenaran.

Jika segala tuduhan ke atasnya didapati benar, bermakna hiruk pikuk sebelum ini menjadi sia-sia. Selagi tidak ada perbincangan ke atasnya, tidak ada pihak boleh mengatakan proses undang-undang gagal dijalankan dengan sempurna.

Oleh itu, sebelum mengambil bahagian dalam sebarang gerakan, rakyat seharusnya memberi kesempatan kepada proses keadilan mengambil tempatnya terlebih dulu.

Sebagaimana dijelaskan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kebenaran mengenai segala tuduhan terhadap Anwar akan menjadi kenyataan apabila pelbagai perkara didedahkan di mahkamah. Sebaliknya, nama Anwar akan dapat dibersihkan jika tuduhan ke atasnya tidak benar. Disebabkan kes ini hanya membabitkan segelintir saksi, biarlah mereka diberi peluang membuat penjelasan di muka pengadilan terlebih dulu.

Tujuh perkara yang terkandung dalam Perisytiharan Permatang Pauh itu lebih menjurus kepada strategi Anwar untuk mengajak rakyat supaya bersama-sama menentang sistem kerajaan hari ini dengan andaian ia dapat mengalih segala tuduhan ke atasnya. Soalnya, mengapa rakyat harus diajak memperjuangkan hak mereka kononnya dizalimi dan diaibkan, sedangkan isu yang belum selesai itu adalah masalah peribadinya sendiri.

Mengapa harus rakyat diajak menegakkan keadilan untuk membersihkan institusi dan proses undang-undang, sedangkan rakyat tidak menghadapi tuduhan sebagaimana dialaminya sekarang. Mengapa harus mengajak orang ramai mendaulatkan kuasa rakyat melalui proses demokrasi sedangkan proses itu berjalan dengan baik. Reformasi seharusnya perjuangan membabitkan masalah rakyat, bukan masalah peribadi.

Anwar menggunakan kata-kata perjuangan dengan memperkecilkan segala sistem yang ada, sedangkan suara itu hanya kedengaran selepas beliau tidak

lagi menjawat jawatan penting. Suara kecewa inilah yang akan berkumandang sehingga kebenaran dibuktikan menerusi pengadilan di mahkamah. Anwar boleh bercakap mengenai keadilan tetapi apakah perlunya gerakan reformasi sebegini diadakan sekarang, sebelum proses keadilan dilangsungkan. Proses perbicaraan pasti diadakan untuk menegakkan keadilan. Pada masa ini, bukti mengenai dakwaan berhubung perilaku moral sedang dikumpul.

Tidak perlulah ada pihak mempertikaikan kebijaksanaan polis menjalankan siasatan kerana mereka melakukannya berdasarkan kepada peruntukan undang-undang. Jika Anwar masih menjawat jawatan kedua tertinggi dalam kerajaan, tentulah pihak polis sukar bergerak dengan bebas.

Dalam keadaan sekarang, mereka lebih mudah menjalankan siasatan tanpa rasa bimbang. Ini adalah rasional mengapa Anwar terpaksa dipecat daripada kerajaan. Seandainya proses pemecatannya tidak dilakukan, bermakna tuduhan yang dilemparkan ke atasnya menjadi tanggungjawab kerajaan sedangkan kerajaan tidak boleh membela kesalahan moral selepas mempunyai bukti kukuh.

(END)